



JANM.KNGAU.600-15/3/1 JLD.2 (12)
27 November 2023

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Keningau, Tenom, Tambunan & Nabawan

Tuan/Puan

TAKLIMAT PENUTUPAN AKHIR TAHUN (PAT) KEWANGAN 2023 DAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BILANGAN 5 TAHUN 2023 – TATACARA PENGURUSAN BAYARAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Keningau akan mengadakan taklimat tarikh akhir proses dokumen kewangan bagi Tahun Kewangan 2023 diikuti dengan taklimat SPANM Bil. 5/2023 – Tatacara Pengurusan Bayaran. Tujuan taklimat diadakan adalah bagi memberi penerangan kepada semua PTJ berkenaan aktiviti dan arahan operasi yang akan terlibat ketika proses PAT 2023 seperti ketetapan berikut;

Tarikh : 04 Disember 2023 (Isnin)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, Institut Pendidikan Guru, Kampus Keningau


3. Sehubungan dengan itu, setiap PTJ **diwajibkan menghantar dua (2) orang pegawai yang terlibat secara langsung dengan kewangan dan terimaan** bagi mengikuti taklimat PAT ini dengan mengisi pengesahan kehadiran **selewat-lewatnya pada 29 November 2023 (Rabu)** di pautan yang disediakan.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,


(MIRNAWATI BINTI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Keningau

TENTATIF PROGRAM

TAKLIMAT PENUTUPAN AKHIR TAHUN (PAT) KEWANGAN 2023 DAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BILANGAN 5 TAHUN 2023 – TATACARA PENGURUSAN BAYARAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) CAWANGAN KENINGAU

Tarikh : 04 Disember 2023 (Isnin)
Tempat : Dewan Kuliah, IPG Kampus Keningau

Masa	Aturcara
8.00 Pagi	Pendaftaran dan Sarapan Pagi
9.00 Pagi	Bacaan Doa
9.10 Pagi	Ucapan Pengarah JANM Cawangan Keningau
9.30 Pagi	Taklimat PAT Kewangan 2023
10.45 Pagi	Rehat
11.00 Pagi	Taklimat Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5 Tahun 2023 - Tatacara Pengurusan Bayaran
1.00 Petang	Makan Tengahari dan Bersurai